

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

Isu asap kilang bakal selesai
18 Jan 2011
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
s8
246 cm²
Full Color
1,353
4,059



Isu asap kilang bakal selesai

Dialog antara wakil jabatan terlibat diatur

AMAN PERDANA - Sejak sekian lama masalah asap kilang menghantui penduduk kawasan ini, satu majlis perjumpaan dan dialog diadakan di antara beberapa wakil jabatan bersama penduduk dalam usaha mencari jalan penyelesaian mengatasi masalah tersebut.

Pengarah Jas Selangor, Datin Paduka Hajah Che Asmah Ibrahim berkata, aduan pertama berkenaan masalah ini diterima Jas adalah pada Disember 2006.

Menurutnya, majlis pertemuan ini diadakan bagi memaklumkan kepada penduduk Aman Perdana perkembangan terkini dan tindakan yang telah diambil bagi mencari penyelesaian susulan daripada pelbagai mesyuarat yang telah diadakan di semua peringkat sebelum ini.

"Oleh itu, kita telah bersama pihak berkuasa lain cuba menyelesaikan masalah ini.

"Dalam pada itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeiri juga telah memutuskan agar kelulusan projek baru di Aman Perdana dibekukan buat sementara waktu sehingga masalah ini dapat diatasi. Oleh itu, pihak berkuasa yang terbabit harus



■ Sebahagian wakil jabatan terlibat yang hadir pada sesi dialog bersama penduduk.

mengambil tindakan segera agar masalah ini tidak terus berlarutan hingga membenggu kehidupan penduduk," katanya.

Difahamkan, Kawasan Perindustrian terbabit mempunyai 59 kilang yang mana 29 kilang kayu dan tujuh kilang mempunyai boiler.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zoal Azha Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar (Jas), Ir Lee Heng Keng, Pengarah Jas Selangor, Datin Paduka Hajah Che Asmah Ibrahim, Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mohd Iksan Mukri, Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Tanah Klang, Riduan Amri dan Pengarah Property Division, Mah Sing Group Berhad, Lim Kiu Hock.

si kerajaan lain antaranya MPK, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan dengan sokongan pihak pemaju, Mah Sing Group," katanya.

Antara yang hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zoal Azha Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Alam Sekitar (Jas), Ir Lee Heng Keng, Pengarah Jas Selangor, Datin Paduka Hajah Che Asmah Ibrahim, Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mohd Iksan Mukri, Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Tanah Klang, Riduan Amri dan Pengarah Property Division, Mah Sing Group Berhad, Lim Kiu Hock.